

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG CHEN
KAWASAN : KELANA JAYA
TARIKH : 28.10.2014 (SELASA)
NO. SOALAN : 41

YB. TUAN WONG CHEN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:

- a) adakah Kerajaan telah mendapatkan nasihat daripada firma undang-undang perdagangan antarabangsa bereputasi, seperti White & Case, dalam perundingan Perkongsian Trans Pasifik (TPPA); dan
- b) berapakah jumlah peguam daripada Kementerian atau Kementerian lain yang terlibat sepenuh masa dalam perundingan TPPA.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pasukan perunding TPPA yang terlibat dalam rundingan terdiri daripada pegawai-pegawai daripada Kementerian/Agensi yang berkaitan dengan isu-isu yang dirundingkan iaitu, bagi alam sekitar ia dirundingkan oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, bagi buruh ia dirundingkan oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Sumber Manusia dan bagi hak harta intelek dan dasar persaingan ia dirundingkan oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Di samping itu, seorang pegawai undang-

undang yang mempunyai kepakaran undang-undang dalam isu-isu berkaitan ditugaskan untuk menyertai rundingan dan memberi nasihat undang-undang bagi setiap bab yang dirundingkan dalam rundingan TPPA. Bagi bab Perundangan pula, ia dirundingkan oleh Jabatan Peguam Negara.

Peguam Negara juga terlibat secara langsung dalam menasihati Kerajaan mengenai isu-isu dalam rundingan TPPA. Selain pegawai-pegawai undang-undang khusus dari Jabatan Peguam Negara yang terlibat secara langsung dalam rundingan TPPA, setiap Kementerian/Agensi yang terlibat dalam rundingan TPPA juga mendapat khidmat nasihat daripada pegawai undang-undang Kementerian/Agensi masing-masing.

Tuan Yang Dipertua,

Memandangkan Jabatan Peguam Negara terlibat secara langsung dalam rundingan TPPA dan pegawai undang-undang dari Jabatan Peguam Negara yang mempunyai kepakaran undang-undang dan mampu memberi khidmat nasihat undang-undang ke atas semua isu yang dirundingkan, Kerajaan berpendapat bahawa masih belum ada keperluan untuk melibatkan firma-firma undang-undang perdagangan antarabangsa seperti *White & Case* untuk memberikan nasihat undang-undang mengenai TPPA kepada Kerajaan.